



SIARAN MEDIA

PENGUNAAN TEKNOLOGI NUKLEAR AMAN UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA BAKAL MENINGKAT

ALOR SETAR, 13 Jun 2024 - Kerajaan menasahkan peningkatan penggunaan teknologi nuklear aman sebanyak 40 peratus dengan nilai pelaburan industri RM2.4 bilion menjelang tahun 2030. Ini selaras dengan pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN 2030) yang telah dirasmikan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang pada 20 September 2023 yang lalu membolehkan negara memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi nuklear secara aman untuk pembangunan sosioekonomi, sekali gus meletakkan negara setanding dengan negara maju.

Bagi memacu pembangunan teknologi nuklear negara sehingga tahun 2030, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah telah mengadakan Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase – TPS 2024) Siri 2 pada 13 hingga 14 Jun 2024 bertempat di Muzium Padi, Alor Setar, Kedah.

Program ini telah disempurnakan perasmiaannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin. Turut sama hadir dalam program ini adalah Yang Berhormat Tuan Haji Dzowahir bin Ab Ghani, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Wakil Kepada Yang

Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman, YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd. Fauzi bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Wakil Kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia dan YBrs. Tuan Suhaidi bin Shukri, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Kedah.

TPS merupakan salah satu platform berterusan Nuklear Malaysia dalam rangka promosi pengkomersialan produk, perkhidmatan dan latihan teknologi nuklear yang aman dan selamat kepada rakyat dan industri. Dengan adanya program TPS ini diharapkan dapat meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi (technology adoption) nuklear dalam sektor-sektor yang berpotensi serta meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Melalui program ini, hasil penyelidikan dan pembangunan daripada para penyelidik Nuklear Malaysia dapat diketengahkan merentasi pelbagai bidang seperti aplikasi teknologi nuklear dalam sektor agropertanian, teknologi pemprosesan sinaran, perindustrian, alam sekitar, perubatan, kesihatan dan keselamatan sinaran, kejuruteraan nuklear dan latihan.

Nuklear Malaysia dengan Kerjasama Lembaga Muzium Negeri Kedah juga telah melancarkan Galeri Padi Nuklear di mana pengunjung Muzium Padi Kedah berpeluang mendapatkan maklumat dan peranan Agensi Nuklear Malaysia dalam penghasilan variasi benih padi baharu NMR 152. Turut diadakan sesi demonstrasi dan pembentangan produk hasil R&D, pameran produk R&D, perkhidmatan dan latihan yang ditawarkan oleh Nuklear Malaysia. Antara Syarikat yang terlibat dalam menjayakan program ini ialah Syarikat Pertama Padi Sdn. Bhd. dan My Digital ID.

Justeru itu, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan amat dialu-alukan dalam memacu kemajuan teknologi nuklear di Malaysia bagi mengarusperdanakan penggunaan aplikasi teknologi nuklear secara aman, mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuhkan kesejahteraan rakyat dan

memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi nuklear bagi menyokong pertumbuhan sosioekonomi negara.

Seramai hampir 1,500 orang daripada pelbagai latar belakang meliputi agensi kerajaan persekutuan dan negeri, wakil-wakil syarikat, pemain industri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pendidikan Negeri, Lembaga Kemajuan Pertanian (MADA), pesawah, penghulu dan ketua kampung, serta masyarakat setempat telah hadir dan memeriahkan program ini.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13 JUN 2024

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk maklumat lanjut: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Puan Nazlia binti Naim

Pegawai Perhubungan Awam

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Nuklear Malaysia

No Tel: 012-7526676.